

2.25 INSTALL TEACHER ASSIST UNTUK TUJUAN TAYANGAN

i) Semua data **Teacher Assist** disimpan dalam folder "**C:\FRDB_SekM\$**" pada komputer *server* sekolah. Untuk menggunakan data berkenaan sebagai paparan sahaja, lakukan langkah berikut pada komputer yang ingin digunakan untuk membuat paparan berkenaan :

ii) Pertama sekali, gunakan CD berlabel :
"**Teacher Assist (M) version yyyy.mm.dd res 1024x768**"

Catatan : 1024x768 adalah untuk *resolution* komputer yang digunakan. Juga terdapat dalam *resolution* yang lebih tinggi.


iii) Caranya seperti berikut : Masukkan CD berkenaan ke dalam pemacu CD komputer yang ingin digunakan untuk memaparkan data.

iv) Jika kandungan CD berkenaan tidak dipaparkan pada *auto run*, buka CD berkenaan melalui *My Computer* atau *Windows Explorer*

v) Dwiklik folder "**Install Tayangan yyyy mm dd**" dan kemudian dwiklik **Setup.exe**. Seterusnya ikut arahan yang diberikan.

vi) Sekiranya anda menerima message "**some files are out of date**" atau lain-lain isyarat *error*, klik **[OK]**. Anda mungkin diminta untuk *restart* komputer anda. Jika ada *error*, klik **[Ignore]** dan kemudian klik **[Yes]**.

vii) Sekiranya *installation* berjaya dilakukan, anda akan menerima message "**Installation was completed successfully**".

viii) Untuk memastikan **Teacher Assist** telah di *install* pada komputer anda, klik **[Start]**, gerakkan *mouse* ke **[Program]**, kemudian gerakkan *mouse* ke **[Teacher Assist (Menengah)]** dan pastikan anda melihat icon berikut : 

ix) Jika **Teacher Assist** belum *diinstall*, anda mungkin perlu lakukan langkah (iv) hingga (viii) sekali lagi selepas *restart*. Jika anda masih tidak melihat *icon* berkenaan, hubungi **FR DataBase Enterprise** untuk bantuan.

x) Seterusnya wujudkan *shortcut* nya pada *desktop* seperti berikut :
Klik **[Start]**, gerakkan *mouse* ke **[Program]**, kemudian gerakkan *mouse* ke **[Teacher Assist (Menengah)]**. *Right* klik **[Teacher Assist (Menengah)]** yang ada *icon* laci, gerakkan *mouse* ke **[Send To]** dan klik **[Desktop (create shortcut)]** pada *pop-up menu* yang dipaparkan. **[Teacher Assist (Menengah)]** akan terbentuk pada *desktop* secara automatik.

Setelah *installation* selesai, lakukan perkara berikut :

Copy folder " **FRDB_SekM\$**" dari komputer server ke komputer berkenaan. Folder berkenaan berada pada directory "**C:\FRDB_SekM\$**". Anda juga boleh zipnya sebelum dipindahkan. Setelah dipindahkan, jangan lupa unzip semula.

Penting : Sebelum memasukkan folder baru "**FRDB_SekM\$**" ke komputer berkenaan, sila buang dahulu folder lama "**FRDB_SekM\$**" pada komputer berkenaan jika ada. Iaitu, **jangan replace**. Ini adalah bagi mengelak dari konflik.

Catatan : Semua data pada sesi 2002 akan disimpan pada "**INDUK_kodsekolah 2002**", data pada sesi 2003 akan disimpan pada "**INDUK_kodsekolah 2003**" dan begitulah seterusnya.